



AMIR KHAN AYOB MOHAMED (dua dari kiri) meninjau paras air yang kritikal di Loji Air Chini, Pekan, Pahang, semalam. - UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN

Penduduk di kawasan tinggi terputus bekalan sejak 10 hari lalu

# Loji Air Chini semakin kritikal

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA

shofi.isa@utusan.com.my

■ PEKAN 13 APRIL

**R**IBUAN penduduk sekitar Felda Chini di sini mengalami gangguan bekalan air bersih sejak 10 hari lalu berikutan cuaca panas melampau akibat fenomena El Nino yang sedang melanda negara.

Situasi tersebut berlaku berikutan paras air Sungai Mentiga yang menjadi punca utama bekalan air kepada lebih 1,500 akaun pengguna di Felda Chini, Felda Chini Timur, Kampung Gumum dan Kampung Mambang, semakin surut dan kini berada pada paras kritikal.

Seorang penduduk Felda Chini Timur 3, Nayan Baharom, 60, berkata, rumahnya terputus bekalan air bersih sejak 10 hari lalu sehingga memaksanya meminta bantuan jirannya yang tinggal di kawasan rendah untuk mendapatkan bekalan air bagi kegunaan solat, memasak dan mandi.

“Sejak seminggu lalu, Pengurusan Air Pahang Berhad (Paip) mula menghantar bekalan air menggu-

nakan lori tangki untuk kegunaan kami.

“Ramai penduduk di sini mula membeli tong air yang diletakkan di hadapan rumah bagi memudahkan lori tangki mengagihkan air. Saya sendiri baharu membeli tong berkapasiti 1,135 liter berharga RM290,” katanya ketika ditemui pemberita di sini hari ini.

Seorang lagi penduduk, Aminah Hussin, 65, berkata, masalah bekalan air terawat di kediamannya sudah lama berlarutan, namun sejak 10 hari lalu langsung tidak mendapat bekalan.

“Sebelum ini menjelang pukul 2 atau 3 pagi bekalan air akan bersambung semula, jadi saya boleh menadahnya. Namun sekarang saya terpaksa bergantung sepenuhnya kepada air yang dihantar lori tangki,” katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar (Operasi) Paip, Ir. Amir Khan Ayob Mohamed berkata, sumber air mentah di Loji Air Chini di sini semakin kritikal kerana paras air di loji berkenaan semakin menyusut dan kini berada pada paras 0.18 meter berbanding satu meter paras normal.

Kebiasaannya, katanya, terdapat tiga pam di loji itu iaitu dua pam besar dan satu pam kecil, tetapi kini hanya satu pam kecil dapat digunakan selama 12 jam sehari berbanding 24 jam sebelum ini.

“Jika sebelum ini kita dapat bekalkan 17 juta liter air sehari, kini hanya tujuh juta liter. Masalah seperti ini pernah berlaku sebelum ini tetapi kali ini paling kritikal.

“Kekurangan sumber air mentah mengakibatkan 1,500 akaun pengguna membabitkan Felda Chini 1, 2, 3, 4 dan 5 selain Felda Chini Timur 1 dan 2, Sekolah Kebangsaan (SK) Gumum serta SK Chini Timur terjejas,” katanya selepas mengadakan lawatan ke Loji Rawatan Air Chini hari ini.

Menurut Amir Khan, selain menempatkan 27 tangki statik dan sembilan lori tangki di kawasan terjejas di Felda Chini, pihaknya bersama Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) sedang mengkaji cadangan membina telaga tiub di situ.

“JMG akan mengkaji terlebih dahulu dari segi kandungan air sama ada mencukupi atau tidak serta kualiti air untuk membina telaga tiub itu,” katanya.

info

## LOJI AIR CHINI (KEADAAN BIASA)

- > Paras normal **1 meter**
- > Pengeluaran **17 juta liter** air sehari
- > Beroperasi **24 jam** sehari
- > Pam besar beroperasi setiap hari

## MASALAH DIHADAPI KINI

- > Berada pada paras **0.18 meter**
- > Pengeluaran **tujuh juta liter** air sehari
- > Beroperasi **12 jam** sehari
- > Hanya pam kecil beroperasi